

# PTPTN sedia RM3b pinjaman pelajar

BM 22/6/08 m/s 14

## Peruntukan meningkat berbanding tahun lalu

Oleh Srihanasham Noordin

**J**OHOR BAHRU: Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan RM3 bilion tahun ini bagi membiayai 180,000 pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata peruntukan untuk semua peringkat sarjana, ijazah sarjana dan diploma yang meningkat berbanding kira-kira 160,000 pelajar yang mendapat pembiayaan pinjaman tahun lalu.

Katanya, pembiayaan itu diberikan kepada pelajar bagi membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung sepanjang mengikuti pengajian dan ia termasuk kos yuran pengajian, penginapan, pengangkutan dan elaun sara diri.

“Kerajaan melalui kementerian juga setakat ini menanggung RM2.87 bilion bagi menampung kos dana PTPTN untuk disalurkan kepada semua pelajar yang memerlukan pinjaman,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Pengajian Tinggi Malaysia di Persada Johor, di sini, semalam.

Katanya, bagi semester akan datang, kementerian mencatatkan jumlah surat tawaran dikeluarkan sebanyak 40,000 masing-masing bagi kursus ijazah sarjana di IPTA dan IPTS manakala 30,000 lagi bagi pelajar mengikuti kursus diploma di IPTA dan 31,000 lagi di politeknik seluruh negara.

Beliau berkata, kerajaan juga menambah subsidi pembayaran yuran di IPTA iaitu RM5.9 bilion pada tahun ini berbanding RM4.9 bilion pada tahun lalu dan sehingga kini, kerajaan menampung antara 60 hingga 80 peratus daripada jumlah yuran yang dibayar pelajar.

Selain itu, katanya, kementerian mengadakan pelbagai langkah bagi meningkatkan jumlah graduan yang mendapat kerja dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian dan antaranya ialah menerusi penganjuran karnival kerja di seluruh negara.

### FAKTA NOMBOR

Pembiayaan PTPTN

180,000

Tahun ini

160,000

Tahun lalu